



- **Program Khidmat Masyarakat Kampung Orang Asli**

Menutup tirai 2019 penglibatan BPSK melalui program khidmat masyarakat adalah sumbangan *goody bags*.

Sejumlah 35 bungkusan *goody bags* telah disediakan untuk masyarakat orang asli di Sungai Peroh, Kahang, Kluang, Johor. PUTM bersama rakan sinergi Pusat Islam UTM, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Kadi Daerah Kluang dan Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Selatan telah mengadakan lawatan muhibbah serta menyalurkan sumbangan dan bantuan asas kepada masyarakat orang asli di samping menganjurkan beberapa aktiviti bersama mereka.